

Kata kunci:
Akhlak
Hadyun Nabawi
Pendekatan
Dunia



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

21 Ogos 2026 / 8 Rabiulawal 1448H

Hadyun Nabawi: Mengharungi Kehidupan dengan Akhlak
Mulia

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي هَدَانَا لِهٰذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا اَنْ هَدَانَا اللّٰهُ. اَشْهَدُ اَنْ
لَا اِلَهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَاَشْهَدُ اَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَاَصْحَابِهِ اَجْمَعِينَ. اَمَّا بَعْدُ، فَيَا
عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ. قَالَ تَعَالٰى فِي التَّزْوِيْلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللّٰهَ
حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تُمُوتُنَّ اِلَّا وَاَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah s.w.t. Taati segala perintah-Nya dan jauhi segala larangan-Nya. Semoga ketakwaan ini menjadi perisai dan pendorong untuk kita membentuk keperibadian yang luhur dan diredai-Nya. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Saudara yang dirahmati Allah,

Rabiulawal kembali menjentik hati, membangkitkan semula rasa rindu dan cinta kepada junjungan mulia, Nabi Muhammad s.a.w. Musim memperingati Maulidur Rasul ini begitu sesuai untuk kita

memperbaharui ikrar dan meneladani **Hadyun Nabawi**, iaitu **pendekatan** dan petunjuk hidup yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Inilah maksud yang tersirat di sebalik ayat 21 Surah Al-Ahzab, di mana Allah s.w.t. menuntut kita menyelami serta menerapkan cara hidup Baginda s.a.w. sebagai teladan dalam segenap urusan harian. Firman-Nya:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ
وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Yang bermaksud: *"Demi sesungguhnya, pada diri Rasulullah itu contoh yang baik bagi kamu, (iaitu) bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaa) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta banyak mengingati Allah."*

Saudaraku,

Gaya hidup hari ini serba maju dan pantas. Ia mendedahkan kita kepada cabaran seolah-olah wujudnya pertembungan antara mengekalkan nilai kerohanian yang berpaksikan ajaran agama, dengan mengejar kemajuan **duniawi**. Di samping itu, ada pula yang merasakan bahawa, kejayaan hakiki di **dunia** boleh sahaja dikecapi tanpa perlu berpegang pada nilai dan panduan agama.

Namun, sirah Rasulullah s.a.w. membuktikan sebaliknya. Baginda s.a.w. menunjukkan bahawa nilai agama dan kehidupan **duniawi** bukan semestinya dua arus yang bertentangan, tetapi ia boleh saling melengkapi.

Hadyun Nabawi, yakni **pendekatan** yang ditunjukkan oleh Nabi, membekalkan kita daya tahan (*resilience*), kecekalan jiwa, dan keyakinan untuk berdepan dengan cabaran setiap zaman tanpa menggadaikan pegangan agama.

Ketika di Makkah, umat Islam menjadi kelompok minoriti yang ditindas, tetapi tetap berdaya tahan berpegang pada ajaran tauhid. Penghijrahan ke Madinah pula menyaksikan Rasulullah s.a.w. membangun dan membentuk sebuah masyarakat Islam dalam suasana majmuk dengan penuh harmoni.

Baginda s.a.w. menjalin hubungan strategik, berinteraksi dengan mempamerkan **akhlak mulia**, di tengah-tengah kepelbagaian bentuk dan ragam manusia. Baginda memimpin masyarakat tersebut dengan sikap pragmatis; terbuka, realistik, dan proaktif dalam membawa kebaikan kepada seluruh insan. Kepimpinan Baginda s.a.w. didasari keperibadian yang agung, dihormati, dan dicintai oleh semua.

Saudara sekalian,

Cuba kita renung sejenak: Bagaimanakah boleh kita menterjemahkan ***Hadyun Nabawi*** sebegini dalam kehidupan kita? Jawapannya: tentulah dengan memahami dan menghayati **akhlak mulia tersebut**, seperti yang sentiasa ditonjolkan oleh Rasulullah s.a.w. pada setiap saat dan ketika.

Interaksi harian kita, sama ada di tempat kerja, di rumah, bersama masyarakat, mahupun di alam siber, hendaklah

dikemudi oleh etika kenabian. Bersikap adil dan tidak menyakiti orang lain, tidak berlebihan dalam tindak tanduk kita, serta cermat dalam tutur kata kita – kesemua ini adalah sifat nabawi yang merupakan kunci utama untuk mengharungi kehidupan hari ini dengan sejahtera dan berjaya.

Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: *“Sesungguhnya orang yang paling aku cintai di antara kamu, dan yang paling dekat kedudukannya denganku pada hari Kiamat, adalah orang yang paling baik **akhlaknya** di kalangan kamu.”* (At-Tirmizi)

Maka, marilah kita bertanya kepada diri kita: *Sejauh manakah **akhlak** kita mencerminkan sifat mulia Rasulullah s.a.w., sebagai bukti rasa cinta kita terhadap Baginda?*

Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kita taufik dan hidayah untuk mengikuti jejak langkah Rasulullah s.a.w., menabur manfaat kepada seluruh insan, dan semoga kita dihimpunkan bersama Baginda s.a.w. di syurga kelak. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنْهُمْ وَمَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنِ بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ انْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعَفِينَ فِي غَزَّةٍ وَفِي فَلِسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ

عَامَّةً، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً،
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.